

# Pilihan raya uji hala tuju demokrasi Mesir

## *Kebangkitan rakyat tanpa parti beri kelebihan kepada el-Sisi*

Tahun 2015 adalah kritikal buat Mesir kerana bakal mengadakan pilihan raya parlimen pada 21 Mac ini. Pilihan raya itu adalah proses terakhir dalam fasa transisi demokrasi di Mesir. Ia juga bakal menyaksikan peralihan kuasa perundangan daripada presiden kepada ahli parlimen yang dipilih.

Banyak pihak sangsi terhadap kesanggupan Presiden Mesir, Abdel Fattah el-Sisi melepaskan kuasa perundangan yang dimilikinya kepada ahli parlimen yang akan menilai semula undang-undang yang diluluskannya sebelum ini.

Fenomena Arab Spring yang melanda Tunisia dan Mesir mencetuskan perkembangan penting dalam konteks pendemokrasian di Asia Barat. Walaupun fenomena itu memperlihatkan kebangkitan rakyat menuntut demokrasi, kebebasan dan keadilan sosial dianggap lambat berbanding pendemokrasian di negara Islam lain, ia tetap menyumbang kepada permulaan transisi demokrasi di Asia Barat secara signifikan.

### **Kuasa rakyat tumbang pemimpin**

Arab Spring membuktikan kuasa rakyat boleh menumbang pemimpin yang berkuasa tanpa peperangan dan keganasan. Kebangkitan rakyat Mesir menuntut demokrasi, kebebasan dan keadilan sosial tidak membawa mana-mana ideologi serta mewakili pemikiran dan kumpulan tertentu. Mereka menuntut perubahan dalam soal demokrasi, kebebasan dan keadilan sosial.

Sejak kejatuhan Hosni Mubarak, banyak usaha dilakukan pendukung Arab Spring untuk menyemak kembali kedudukan Islam khususnya syariah sebagai sumber perundangan seperti termaktub dalam Perlembagaan Mesir. Di sini timbul persoalan di manakah peranan dan faktor agama atau Islam dalam kebangkitan rakyat Mesir kali ini?

Jika tuntutan rakyat mahu Mesir menjadi sebuah negara demokratik, apakah acuan dan teras yang akan membentuk demokrasi itu? Apakah agama atau Islam menjadi teras dan dasarnya? Atau demokrasi yang mahu diterapkan di Mesir adalah demokrasi liberal yang menjunjung kebebasan individu sekali gus membawa aspirasi Barat? Persoalan ini perlu dibahaskan kerana ia akan membentuk hala tuju dan perkembangan demokrasi di Mesir pada masa depan.

Banyak pihak mengaitkan tuntutan rakyat Mesir dalam demokrasi, kebebasan dan keadilan sosial dengan trend Pasca Islamisme. Trend ini melihat ideologi tidak lagi penting, kurang diberi penekanan dan tiada penetapan terhadap suatu ideologi. Ini juga bererti retorik agama seperti penubuhan negara Islam dan pelaksanaan undang-undang Islam bukan keutamaan.

Presiden el-Sisi menggunakan institusi agama bagi mempertahankan kedudukannya atas alasan keselamatan negara. Ini dapat dilihat melalui sokongan empat tokoh agama utama termasuk dari Kristian Koptik.

Mereka adalah Mufti Besar Mesir, Sha wqy Allam; Sheikh al-Azhar, Ahmed Al-Tayeb; Menteri Agama, Mohamed Mokhtar Gomaa dan Pope Tawadros II. Mufti Besar misalnya secara terbuka mengkritik penyokong Morsi dan meminta generasi muda tidak terbabit dalam demonstrasi menentang kerajaan. Sokongan mereka amat penting dalam memberi legitimasi politik kepada el-Sisi.

Isu lain dalam Arab Spring adalah kebangkitan rakyat Mesir tidak dipimpin mana-mana pemimpin, kumpulan mahupun gerakan. Justeru, persoalannya di mana harus dibawa perjuangan demokrasi ini? Siapa pemimpin dalam kalangan rakyat Mesir yang boleh memimpin dan menyatukan rakyat demi kepentingan negara?

Kebangkitan di Mesir tanpa parti atau gerakan politik memberi kelebihan kepada Ikhwanul Muslimin. Ikhwanul Muslimin yang sudah lama bertapak dalam politik Mesir memberi peluang kepada gerakan Islam itu mengisri lompang sedia ada. Ikhwanul Muslimin kini diharamkan termasuk Parti Kebebasan dan Keadilan (FJP).

Kini wujud beberapa parti politik yang bakal bersaing dalam Pilihan Raya Parlimen. Pertemuan antara el-Sisi dengan semua parti politik diadakan awal tahun lalu. Meskipun wujudnya pelbagai parti politik, hakikatnya Mesir ada sistem satu parti. Semua parti politik itu tidak berlawanan dari segi matlamat tetapi sekadar merebut kerusi dalam pilihan raya.

Pilihan raya parlimen juga menguji sejauh mana kesedaran berpolitik rakyat Mesir. Berapa ramai yang akan keluar mengundi? Adakah mereka yang beramai-ramai turun di jalanan menjatuhkan Hosni Mubarak dan Morsi akan turut berbaris untuk mengundi?

Dalam pengundian untuk Perlembagaan Baharu Mesir tahun lalu, hanya 38.6 peratus keluar mengundi. Selain itu, sekadar 47.8 peratus daripada jumlah pengundi yang layak mengundi dalam pilihan raya presiden yang menyaksikan kemenangan el-Sisi.

Perkembangan ini agak membimbangkan kerana Mesir berhadapan dengan isu legitimasi. Proses transisi demokrasi perlu disokong kesedaran rakyat untuk mengundi. Jika tidak, Mesir boleh kembali ke status asal atau lebih teruk lagi kerana pemimpin dan parti politik tidak mendapat mandat rakyat.



### **Penulis**

ialah Profesor Madya di Fakulti Ekologi Manusia, Universiti Putra Malaysia (UPM)